

penduduk kampung itu kini memiliki perpustakaan di kampung mereka.

Kampung kecil yang memiliki kira-kira 300 keluarga itu memperoleh perpustakaan hasil inisiatif daripada program Starbucks's Global Month Service 2017 yang melaksanakan khidmat sosial kepada masyarakat pada setiap bulan April.

Sebanyak 1,500 buah buku terdapat dalam perpustakaan itu yang sesuai dimanfaatkan oleh penduduk pelbagai peringkat usia. Ada buku bacaan am, pelancongan, keagamaan, masakan, novel, buku kanak-kanak, komik dan lain-lain.

Ia merupakan sumbangan pelanggan-pelanggan Starbucks, para kakitangannya dan syarikat-syarikat penerbitan.

Amalan membaca

Tok Sidang atau Ketua Kampung Parit Serong, Azahari Mardzuki gembira apabila membayangkan amalan membaca akan menyubur dalam kalangan penduduknya.

“Sebelum ini, tempat ini kosong, digunakan cuma dua kali sebulan untuk bermesyuarat. Kita pun fikir bagaimana hendak

menyediakan perpustakaan pada bulan depan iaitu di Perak, Johor dan Sabah yang lokasinya belum ditentukan.

Azahari berkata, pihaknya akan menubuhkan jawatankuasa khas untuk penjagaan perpustakaan itu. Buat masa ini katanya, perpustakaan itu dijangka dibuka pada Sabtu dan Ahad.

Sebenarnya, bukan Kampung Parit Serong sahaja yang memperoleh perpustakaan komuniti yang dinamakan Perpustakaan Komuniti Starbucks itu. Pada hari yang sama, turut dilancarkan perpustakaan di dua komuniti lain iaitu di Felda Chini Timur 1, Pekan, Pahang dan Pusat Rukun

Orang tengah

Pengurus Kanan Perhubungan Awam dan Strategi Digital Starbucks Malaysia dan Brunei, Salleharon Ahmad berkata, Starbucks telah berjaya mengumpulkan kira-kira 10,000 bahan bacaan untuk program tersebut.

“Bayangkan dalam tempoh 15 hari sahaja, kami dapat mengumpulkan hampir 10,000 buku dan bahan bacaan yang disumbangkan terutamanya

syarikat yang memiliki lebih 200 kafe di seluruh Malaysia untuk bawa pelanggan kepada komuniti.

Seorang penduduk Kampung Parit Serong, Sharifah Shukran, 50, gembira kerana kampungnya kini sudah mempunyai perpustakaan sendiri.

“Seronok sebab selama ini tidak ada perpustakaan, sekarang sudah ada. Saya melihat banyak buku termasuk buku-buku berbahasa Inggeris. Anak saudara saya minat buku-buku bahasa Inggeris.

“Saya pula tidak sabar untuk membaca buku-buku resipi,” ujarnya.



SEBAHAGIAN penduduk kampung teruja membaca buku-buku di perpustakaan komuniti Kampung Parit Serong ini.



PERPUSTAKAAN komuniti di Kampung Parit Serong, Tanjung Karang, Selangor ini antara program khidmat sosial Starbucks.